

Budayakan perpaduan, pegang teguh prinsip Rukun Negara: Kurup

NST 3-7-13 3

KOTA KINABALU: Generasi muda khususnya mahasiswa disaran supaya sentiasa membudayakan perpaduan, menjunjung tinggi perlembagaan serta berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Rukun Negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Joseph Kurup, berkata ini kerana perpaduan adalah harta yang amat bermakna dan kunci utama untuk terus mengekalkan keamanan dan keharmonian di kalangan rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini.

Katanya sejarah juga telah membuktikan bahawa bangsa yang bersatu padu dan sentiasa membudayakan perpaduan akan menjadi bangsa yang kuat dan maju.

"Oleh itu saya menyarankan kepada golongan mahasiswa supaya membudayakan perpaduan. Perpaduan dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia tidak boleh dicapai dalam masa setahun mahupun sepuluh tahun, malah ianya merupakan satu proses pembinaan bangsa dan negara secara berterusan.

"Dalam hal ini, kerajaan akan terus memberikan sokongan terhadap usaha-usaha mengekalkan perpaduan dan membangunkan sahsiah diri serta modal insan yang berkualiti di kalangan generasi muda," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Pertandingan Akhir Debat Perpaduan 2013 antara Institusi Pengajian Tinggi, di Auditorium Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, di sini, kelmarin.

Majlis itu dianjurkan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama kerajaan negeri Sabah, Kementerian Pendidikan Malaysia, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MAD-UM).

Seramai lebih 100 peserta daripada 31 buah IPTA seluruh negara menyertai debat itu. Pertandingan peringkat suku akhir dan separuh akhir debat perpaduan itu diadakan di Sekolah Menengah Agama Kota Kinabalu.

Kurup berkata kerajaan melalui usaha pelbagai kementerian dan jabatan akan terus memberikan sokongan ke arah membangunkan sahsiah diri dan modal insan berkualiti di kalangan generasi muda.

"Ini dapat dilihat dengan pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang antara lainnya menggariskan lima aspirasi utama dan 11 anjakan yang menyasarkan pelajar dan mahasiswa memiliki enam ciri utama iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional.

"Keseluruhan anjakan ini akan memberikan impak yang besar kepada peningkatan kualiti pendidikan negara, khususnya di kalan-

gan generasi muda," katanya.

Sementara itu Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Harun Abdullah berkata, penganjur debat perpaduan itu tepat pada waktunya dalam usaha untuk menyuburkan budaya debat dan menjadi platform kepada mahasiswa dalam menyatakan pendapat mereka melalui analisis secara profesional dan bukan emosi semata-mata.

"Sehubungan itu, aktiviti kemahasiswaan seumpama ini juga membantu percambahan idea melalui usul atau tajuk perdebatan yang diberikan.

"Usaha-usaha murni kerajaan dalam membantu mahasiswa hendaklah dihargai dan dimanfaatkan sepenuhnya. Pertandingan debat ini sebagai bukti keprihatinan kerajaan dalam memberikan sokongan kepada penganjur program ini untuk para mahasiswa," katanya.

Beliau juga mengingatkan para mahasiswa supaya tidak mengabaikan akademik.

"Saya berharap mahasiswa akan terus menjadi teras kepada agenda pembangunan negara manakala dalam kampus dapat menjadi agen penggerak kepada usaha murni dalam membudayakan seni pengucaapan awam," katanya.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Datuk Azman Amin Hassan, Setiausaha Kerajaan Persekutuan Negeri Datuk Abu Bakar Hassan dan pegawai-pegawai kanan jabatan, para pelajar dan peserta pertandingan akhir debat.

Johan bagi Debat Perpaduan 2013 dimenangi oleh mahasiswa dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Dengan kemenangan itu mereka membawa hadiah wang tunai RM7,000, piala iringan dan sijil penyertaan.

Manakala pendebat terbaik pula dimenangi oleh mahasiswa UKM Najah Izzati Sulaiman, 21 tahun. — OLEH MARRYAN RAZAN — marryan@newsabahtimes.com.my



HADIAH...Kurup menyampaikan hadiah kepada pemenang debat perpaduan.



JUARA...Mahasiswa daripada UKM, Johan Debat Perpaduan 2013.

ADKAN
jian Tinggi
013

dbiran
artuan
h

